

28 MAR 1997

Mahathir-Dialog

ERA DIGITAL MEMBAWA PELUANG AMAT LUAS UNTUK SEMUA

Oleh: Syed Jamil Jaafar

FUKUOKA, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini era digital telah mewujudkan keadaan yang buat pertama kalinya dalam sejarah bagi negara dan syarikat saling memperkayakan antara satu sama lain.

"Ia bukan lagi permainan jumlah sifar, yang di dalamnya terdapat pihak yang menang dan yang kalah," kata beliau.

Ketika berucap pada satu forum antarabangsa di sini, Dr Mahathir berkata dengan ketibaan abad ke-21 yang semakin hampir, perubahan yang menakjubkan sedang berlaku yang menjadikan apa yang tidak boleh dilakukan dalam ekonomi lama tiba-tiba boleh dilakukan dalam era maklumat.

Sempadan antara negara sudah hilang kerana pengetahuan, modal, aktiviti syarikat dan kesukaan pengguna tidak mempedulikan garisan yang dibuat di atas peta, kata beliau dalam ucap utamanya dengan tema "Abad Digital: Peluang Untuk Saling Bekerjasama antara Malaysia dan Jepun."

Forum itu, yang lebih dikenali sebagai Dialog Fukuoka, dianjurkan bersama oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia Malaysia (ASLI) dan Pusat Perniagaan Asia serta Nishi Nippon Newspaper Co Ltd, kedua-duanya dari Fukuoka.

Pemimpin-pemimpin korporat utama Jepun dan Malaysia dan pegawai-pegawai kerajaan menghadiri forum itu. Antara yang hadir dari Malaysia ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Koh Tsu Koon dan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Dr Mahathir berkata kalau sekarang negara-negara bersaing antara satu sama lain, dengan lebih dagangan sesuatu negara menyebabkan yang satu lagi mengalami defisit, tetapi pada masa depan, kedua-dua negara boleh memperolehi keuntungan kerana rangkaian syarikat-syarikat mengadakan kerjasama merentasi sempadan dengan membawa nilai kepada pelanggan secara yang paling wajar dari segi ekonomi.

"Terdapat peluang yang teramat luas bagi negara dan syarikat yang mempunyai keberanian menerima perubahan ini," kata beliau.

"Untuk jangka masa yang terhad, terdapat padang permainan yang secara relatifnya sama rata yang membolehkan negara maju dan negara membangun bekerjasama dalam berbagai-bagai cara yang mendatangkan faedah kepada kedua-duanya."

Ini kerana banyak daripada kalangan negara maju yang lebih kaya terikat dengan struktur industri dan rangka kerja perundangan yang lapuk, katanya.

Kepentingan sendiri dalam sistem-sistem itu menolak perubahan dengan keras tetapi ini bukan keadaannya di negara-negara membangun seperti Malaysia memandangkan kepentingan korporat seperti itu belum lagi berkembang.

Dr Mahathir berkata dengan pembangunan multimedia, terdapat peluang-peluang yang hampir tidak terbatas untuk dimajukan dan diperluaskan ke seluruh dunia tanpa memerlukan interaksi secara bersemuka.

Perdana Menteri berkata ekonomi digital memberi penekanan kepada pentingnya rangkaian kakitangan di seluruh dunia atau penggabungan usaha manusia dalam menerokai cara-cara baru dan yang berkuasa untuk mencapai kemakmuran bersama melalui penggunaan teknologi maklumat.

Ini merupakan satu bidang bagi Jepun dan Malaysia mendapat faedah

bersama.

"Malaysia mempunyai kemahiran tenaga kerja dalam beberapa bidang tertentu yang agak murah dan boleh digunakan oleh syarikat-syarikat Jepun walaupun jika ia tidak terletak di Malaysia manakala Jepun pula sememangnya mempunyai teknologi maklumat yang dapat memainkan peranan dalam dunia ekonomi yang tidak bersempadan," kata Dr Mahathir.

Beliau mempelawa syarikat-syarikat Jepun menubuhkan pusat-pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia yang dijangka menjadi masyarakat global yang mendahului dalam era maklumat.

Kata beliau, MSC akan membuat persediaan bagi rakyat Malaysia memasuki abad digital.

Dr Mahathir berkata Jepun dan Malaysia seharusnya bekerjasama untuk mewujudkan masyarakat elektronik yang secara aktif akan mengeluarkan kandungan-kandungan yang asli untuk keperluan mereka.

MSC akan membuka peluang yang terbaik untuk tujuan ini.

"Dalam menghadapi kemaraan era maklumat, kita perlu menggunakan pendekatan proaktif untuk mengimbangi penguasaan Barat dalam ruang siber," kata beliau.

"Kita bukan bermaksud semua pengaruh Barat itu buruk. Apa yang kita mahu tekankan ialah dengan menjadi celik digital dan IT serta maju dari segi teknologi bukan bermakna nilai-nilai Asia kita tidak relevan.

"Malahan ia akan menjadi lebih relevan bagi lelaki dan wanita kita dalam mencari kedudukan dan identiti mereka dalam persekitaran yang tidak bersempadan."

Dr Mahathir mengingatkan bahawa dengan kesan-kesan teknologi maklumat yang mengagumkan itu, jangan dilupakan bahawa kepintaran hasil buatan tidak mungkin dapat menggantikan intelek manusia.

Manusia, khususnya pengurus-pengurus syarikat, perlu menerajui perniagaan dan masyarakat dengan tanggungjawab sosial yang mempamerkan bukan sahaja nilai dan etika yang seimbang dalam pertubuhan mereka tetapi juga yang boleh menyemai semangat keutuhan korporat. -- BERNAMA

SJ WAT NMO